

SOALAN NO: 195

butiran atau gambar peribadi bagi tujuan penganiayaan dan untuk memalukan atau mengaibkan individu tertentu.

[REDACTED]	
2012	1,559
2013	1,970
2014	2,147
2015	1,692
2016	2,263
2017	1,989

Semua aduan yang diterima disusuli tindakan oleh pihak SKMM, termasuklah di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, yang melarang penyebaran kandungan sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik.

Selain usaha bersifat penguatkuasaan, pelbagai program berbentuk kesedaran di seluruh negara turut dijalankan pihak SKMM. Program yang dijalankan antara lain bertujuan mendidik masyarakat dari aspek etika dan seterusnya bagi mengelakkan penyalahgunaan media sosial. Program yang dijalankan juga memupuk pengguna Internet agar lebih bertanggungjawab dan sama-sama mengekang kegiatan buli siber daripada terus berlaku.

264

SOALAN : 196

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG (TEBRAU)

RUJUKAN : 10682

SOALAN :

PR-1361-T01737

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan orang yang didakwa di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dari tahun 2010 hingga 2017 serta kewarganegaraan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Statistik bilangan orang yang disabitkan bagi kes pemerdagangan orang dari tahun 2010 hingga 2017 adalah seperti berikut:

TAHUN	KES PEMERDAGANGAN ORANG	KES BURUH PAKSA	JUMLAH SABITAN
2010	3	-	3
2011	11	3	14
2012	17	-	17
2013	11	10	21
2014	5	4	9
2015	-	3	3
2016	5	2	7
2017	17	18	35

Bilangan orang yang disabitkan kesalahan ini melibatkan warganegara dan bukan warganegara.

rb6

SOALAN (197)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK KHOO SOO SEANG
[TEBRAU]

SOALAN :

YB DATUK KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang boleh diambil pihak pertubuhan-pertubuhan penduduk atau badan-badan pengurusan terhadap pemilik harta yang enggan membayar yuran pengurusan sehingga menjejaskan kecekapan dan kualiti pengurusan dan kesejahteraan serta kualiti kehidupan para penghuni.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran caj penyenggaraan merupakan isu yang kritikal dan kegagalan penghuni untuk membayar caj tersebut akan menjejaskan kualiti hidup masyarakat yang tinggal di perumahan berstrata memandangkan bangunan dan harta bersama tidak dapat dijaga dan diurus dengan baik.

Seksyen 34 dan 78 Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) telah memperuntukkan tindakan terhadap penghuni yang enggan membayar caj penyenggaraan oleh pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) yang melibatkan penghantaran notis, pemfailan saman di mahkamah / tuntutan di Tribunal Pengurusan Strata, dan penahanan / sitaan harta alih.

(a) Pemfailan tuntutan di Tribunal Pengurusan Strata;

- (i) JMB / MC perlu menyampaikan suatu notis bertulis 14 hari untuk menuntut pembayaran jumlah wang dari pemilik yang mempunyai tunggakan caj;
- (ii) Pemilik perlu membuat pembayaran dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh penyampaian notis itu; dan
- (iii) Jika pemilik masih enggan membayar pada akhir tempoh yang dinyatakan dalam notis tersebut, JMB / MC boleh memfailkan tuntutan ke Tribunal Pengurusan Strata/ Mahkamah

(b) Penahanan / sitaan harta alih seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 34(2), 35, 78(2), dan 79 Akta 757;

- (i) JMB / MC mengemukakan suatu permohonan bersumpah kepada Pesuruhjaya Bangunan di Pihak Berkuasa Tempatan (COB di PBT);
- (ii) COB di PBT akan mengeluarkan suatu waran penahanan yang telah ditandatangani dan seterusnya penahanan harta alih dilaksanakan oleh JMB / MC dengan kerjasama pihak COB di PBT dan Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan
- (iii) Sekiranya jumlah wang yang kena dibayar tidak diselesaikan dalam masa 14 hari dari tarikh penahanan harta alih, harta alih yang ditahan hendaklah dijual secara lelong.

Di dalam Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 juga ada menyatakan tindakan yang boleh diambil oleh JMB/MC sekiranya pemilik enggan membayar yuran pengurusan.

20

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian telah mengambil inisiatif bagi meningkatkan kesedaran orang awam berhubung kepentingan dan tanggungjawab untuk membayar caj penyenggaraan melalui medium iklan seperti berikut:

- (i) *Billboard* – dipasang di Lebuhraya LDP KM 1.6 (Tol Penchala menghala Damansara);
- (ii) *In Train Panel* – dipasang di LRT Ampang Line dan Kelana Jaya Line; dan
- (iii) Klip Iklan “Bayar Caj Penyenggaraan” yang disiarkan di saluran RTM, Media Prima, & ASTRO melalui *Public Service Announcement*, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).

Diharapkan dengan pelbagai tindakan yang boleh diambil melalui penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) serta usaha Kerajaan dalam memberi kesedaran berhubung kepentingan untuk

membayar caj penyenggaraan, penghuni yang tinggal di perumahan berstrata akan lebih bertanggungjawab untuk membayar caj penyenggaraan dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup komuniti strata.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Mac 2018